



# MENJADI MANUSIA

1

**M**ENJADI murid sekolah rendah, banyak pelajaran yang dipelajari murid lelaki ini. Untuk menjadi manusia bukannya mudah, demikian barangkali fikirnya.

Suatu hari waktu rehat, murid darjah empat itu turut mengerumuni kawasan

longkang dan semak-samun yang bersempadan padang sekolah. Pagar yang ada runtuh.

Hari itu, dia melihat kira-kira 20 murid berusaha bersungguh-sungguh untuk menangkap seekor ikan sebesar lengan. Dia tak pasti sama ada haruan atau keli.

Dia melihat kanak-kanak berebut-rebut. Longkang cuma sedalam kira-kira dua kaki, lurus dan air pun hanya sekaki. Ikan itu barangkali berenang dari anak sungai dan sesat ke situ.

Murid lelaki itu tidak berminat berebut. Dia hanya melihat. Lepas seorang, seorang berjaya memegang ikan yang berbadan licin itu. Apabila terlepas dan jatuh ke longkang, yang lain pula

menangkapnya. Berebut-rebut si penangkap ikan.

Dalam pada itu, penangkap ikan semakin mara kerana apabila ikan jatuh ke longkang renangan, cepatnya untuk bebas diri menuju ke depan. Segala-galanya cepat berlaku. Murid lelaki itu melihat keadaan dengan penuh teliti. Dia cam, ada seorang murid begitu gigih berusaha untuk menangkap ikan itu. Beberapa kali berjaya ditangkapnya, hinggalah ketika si penangkap ikan kian hampir dengannya.

Bangun saja si penangkap ikan yang keletihan itu dengan ikan di tangannya, tiba-tiba ada seorang murid menggunakan dua tangan. Telapak tangan kanannya menampar kuat muka si pe-

angkap ikan, manakala tangan kirinya merampas ikan dan macam lipas kudung, maksudnya begitu cepat, dia melompat dan cuba lari dari situ.

Akal murid lelaki itu segera berasa keadaan tidak adil. Secepat itu juga dia menumbuk muka si perampas. Mangsa rebah dan terbaring ketakutan. Ikan pun terlepas. Waktu itu, murid lelaki itu mengisyaratkan tangannya kepada si pengusaha mengambil ikan yang terkodek-kodek di atas padang.

Kemudian, murid lelaki itu menghulurkan tangan kepada si perampas yang ketakutan.

"Jangan sekali-kali ambil hak orang lain," katanya sopan.

2

SUATU hari, minggu sesudah peperiksaan, murid lelaki dan kawan-kawan terdengar suara orang bertengkar di pekarangan sekolah.

Sudah menjadi adat, guru tidak masuk ke dalam kelas, sebaliknya sibuk menyemak timbunan kertas ujian di bilik guru. Murid di kelas hanya dikawal ketua darjah dan pengawas. Benarlah, tidak terkawal.

Dek kedengaran suara pertengkar itu, murid lelaki itu turun dari kelasnya di tingkat satu dan menuju ke pekarangan. Dia melihat seorang murid lelaki darjah enam bertengkar dengan seorang murid perempuan darjah lima. Kedua-duanya dia kenal. Di sekeliling mereka ada kira-



**PENGARANG** kreatif dipelawa menghantar cerpen bermutu dan bermoral untuk halaman Kreatif, Rona, Berita Harian serta dihantar melalui e-mel: [bhsastera@nstp.com.my](mailto:bhsastera@nstp.com.my). Pengirim cerpen wajib menyertakan biodata, nombor kad pengenalan, alamat lengkap, nombor telefon, gambar yang jelas berukuran 2 megabait menggunakan sistem JPEG. Karya tidak boleh melebihi 150 baris. Karya yang tidak terpilih tidak akan dikembalikan. Nombor akaun Maybank atau CIMB dan no kad pengenalan perlu disertakan bagi urusan pembayaran honorarium jika karya disiarkan.

## **DAENG RAMLI AKIL**

- Dilahirkan di Luit, Maran, Pahang, pada 15 September 1954 dan dibesarkan di Kuantan, Pahang.
- Pernah berkhidmat sebagai guru Sains dan Seni Lukis, sebelum menyambung pengajian di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dalam bidang ijazah pendidikan pada 1983.
- Pada 1987 beliau mengajar subjek Bahasa Melayu di Kuantan hingga menjadi Ketua Jabatan dan pemarkah pengetua.
- Pada 1992 beliau meletakkan jawatan 24 jam kerana protes rasuah dalam kalangan pengetua.
- Bergelar penulis karya non-kreatif dan kreatif bermula 1970.
- Berkhidmat sebagai Wartawan Mastika pada 1994.
- Antologi cerpennya, *Korporat* memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1996 dan turut memenangi 17 hadiah peringkat kebangsaan termasuk Hadiah Sastera DBP-Maybank, Hadiah Sastera Utusan-Public Bank dan Hadiah Yayasan Pahang-DPMP.
- Sudah 200 buku akademik dan sasteranya diterbitkan, selain 300 cerpen, 3,000 puisi, 40 skrip telemovie, filem mini, skrip teater.
- Sejumlah 500 lukisan realisme dan abstrak sentuhannya dijual di luar Malaysia dan ada yang menjadi koleksi MB Pahang, Datuk Baha Zain, beberapa Exco Pahang, Prof Datuk Dr Abdullah Mansur, Datin Fatini Yacob, Dr Ayib Rosidi dan Pensyarah UMP.
- Kini menyiapkan tesis sarjananya di Universiti Malaya.

kira dua puluh murid, kebanyakannya lelaki.

Tiba-tiba, kedengaran suara jeritan murid lelaki berkenaan. Rupa-rupanya dia kesakitan kerana hidungnya ditumbuk dan darah mengalir dengan banyaknya. Segeralah mangsa mendapatkan paip air berhampiran untuk mencuci mukanya yang berdarah.

Antara kata-kata yang difahami murid lelaki itu daripada kejadian tersebut, mangsa tidak berani melawan atau menumbuk balas kerana murid perempuan itu anak orang berada dan berkedudukan tinggi dalam masyarakat.

Mangsa terus membasuh mukanya yang berdarah. Kawan-kawan hanya memerhati. Dan pemangsa masih berdiri di situ dengan adik perempuannya. Berani dan garang. Juga, berpakaian pengawas.

Murid lelaki itu berasa kasihan kepada mangsa, lalu mendekatinya dan membantunya membasuh hidungnya yang masih berdarah. Diberinya sapu tangannya yang bersih.

Mangsa terus menangis merengek-rengok sambil membebel: mentang-mentang aku miskin, kau anak orang kaya, anak orang berpangkat, kau tumbuk hidungku sampai berdarah. Nasib baik kau perempuan. Bapakku tak ajar aku jentik, apalagi pukul perempuan.

Kemudian, murid lelaki itu memapah mangsa ke kantin untuk diberi minuman panas. Di situ, mereka minum air suam. Mangsa banyak mengadu dan bela diri, tetapi murid lelaki itu tetap membius.\*

### 3

KETIKA bersekolah rendah jugalah, kanak-kanak lelaki itu mengaji. Bermula dengan Muqadam atau dipanggil jahme, kemudian al-Quran. Dia mengikut kakak dan abang sepupunya. Biasanya mereka mengaji pada hari Jumaat jam lapan malam.

Pada musim cuti sekolah, bapanya menukar jadual ke petang Sabtu. Menurut bapa, sebelah malam, elok mengulang kaji pelajaran di rumah.

Anak guru al-Quran ialah kawan kanak-kanak lelaki itu. Usianya lebih muda setahun. Anak lelaki bongsu dalam lapan beradik. Anak emas ibu dan kakak-kakak.

Agak malang, acara mengaji kanak-kanak lelaki itu selalu terganggu. Lan, anak tuan guru selalu bermain getah gelang dan patung-patung kecil askar dan kenderaan tentera. Kerap pula dipaksanya kanak-kanak lelaki itu bermain sama. Bila?

Sewaktu bapanya ke dapur untuk makan.

Tiba waktu membaca di hadapan guru, tentulah giliran anak guru didahulukan, dengan alasan mahu makan nasi, berehat dan sebagainya. Biasanya sekejap saja. Bacaan salah, berkelakuan nakal dan tidak serius, dibiarkan ayahnya.

Tiba giliran kanak-kanak lelaki itu, rotan dipukulkan kuat ke lantai. Keadaan itu memeranjatkan semua murid yang berjumlah biasanya lima orang. Yang lain sudah bersekolah menengah. Hati kanak-kanak lelaki itu kerap sayu lagi dukacita sebab sebatan ke lantai dan herdikun guru.

Pernah kanak-kanak lelaki itu melawan dengan menyebut, 'anak pak cik yang buat salah, saya dipersalahkan. Tidak adil. Dia yang buat bisung, pak cik tak dengar, pak cik kata saya baca tak kuat.'

Kanak-kanak lelaki itu menanggalkan songkoknya dan menghempasnya ke riba tuan guru. Sejak itu, dia memberitahu bapanya bahawa tidak boleh belajar mengaji al-Quran daripada orang yang tidak adil dan tidak bijaksana.\*

### 4

KANAK-KANAK lelaki desa itu dididik rajin bekerja, bermula dengan menyiapkan tugas di rumah untuk keluarga dan untuk diri. Antara tugas rutin adalah memberi makanan kepada itik dan ayam, menyediakan kayu bakar untuk dapur kayu, membersihkan halaman rumah dan pada malam-malam Ramadan, tugas lebih sibuk.

Sebagai anak kedua dalam keluarga dan yang lebih penting, anak lelaki sulung, kerja yang memerlukan tenaga menjadi tugas utama. Kerajinan ibu bapa tak perlu dipersoal anak lelaki ini. Pada sepanjang malam Ramadan, sesudah berbuka puasa, bersolat dan seumpamanya, biasanya bermula kira-kira jam 10 malam, ibu dan adik-beradik perempuan memasak kuih seperti buah ulu, kuih loyang, getas dan sebagainya.

Lampu elektrik dinyalakan menjadikan halaman dan di depan rumah terang-benderang. Habis kayu bakar di dapur, kanak-kanak lelaki itu pasti segera mengambilnya dari tempat simpanan di tepi reban ayam dan itik.

Untuk menjadikan kisah *Menjadi Manusia* ini lebih tepat dan unik, kisah ini tidak disembunyikan atau dirahsiakan. Nawaitu menceritakan bukanlah bangga diri, riak dan ujub diri, sebaliknya meriwayatkan pengalaman benar.

Kejadian itu terjadi tanpa diduga. Kira-kira jam 1.00 pagi, kanak-kanak lelaki itu turun dari rumah ke tanah bertujuan mengambil kayu bakar untuk dibawa di dapur.

Sebaik saja, berada hampir dengan tempat kayu bakar yang disusun itu, kanak-kanak lelaki itu terkejut dan terlompat ke belakang. Pohon kuini yang batangnya sebesar kira-kira sepemeluk bergerak-gerak, menunduk macam manusia Islam rukuk dan sujud iaitu melakukan solat.

Memang jelas, tetapi keadaan itu seketika saja.

Kanak-kanak lelaki itu nampak keadaan rundukan pokok itu dan pucuk pokok yang setinggi puluhan kaki itu menyentuh lengannya.

Dia menjerit memanggil kakaknya yang bermaksud kira-kira begini, "Yang, Yang, pokok ni tunduk!" Kanak-kanak lelaki itu memandang ke sekelilingnya dengan pantas, memerhati seandainya ternampak lelaki berjubah putih paling bersih seperti yang pernah didengarnya dan disebut orang tua-tua Melayu, iaitu Nabi Hidhir yang ghaib telah menzahirkan diri.

Tak sampai seminit.

Pokok yang tunduk itu menjadi tegak semula, apabila kakaknya keluar dari rumah dan berdiri di pelantar.

"Oh! Angin yang bertiup. Memanglah bergoyang." Kata kakaknya.

Kanak-kanak lelaki itu memandang keadaan pokok itu dalam kesenyapan. Dia yakin apa yang dilihat matanya. Hatinya terkatakata. Benar juga kata orang tua-tua. Itu ialah rezeki peribadi yang kejadiannya bukan untuk dikongsi dengan orang lain, tetapi kisahnya boleh dikongsi kerana setiap kejadian sebenar, ada ilmu tertera di situ.

Malam itu sejuk dan tenang. Sambil mengambil kayu bakar sepotong demi sepotong dan diletakkan di lencangan, kanak-kanak lelaki itu sempat berfikir. Saya wajib bersyukur atau berterima kasih kepada Allah dan Nabi Hidhir yang menolongnya. Pastinya Allah menyediakan rezeki seperti yang dijanjikan-Nya dalam al-Quran, iaitu rezeki kepada semua hidup-hidupan, tanpa mengira objek yang mengingkar ajaran dalam al-Quran.

Hidhir pula ialah pendoa dan pesuruh Allah yang suci untuk mentadbir alam ghaib. Tidak hairan, pengalaman itu antara sebab ketika membesar kanak-kanak lelaki yang berikutnya menjadi lelaki dewasa yang ghairah memahami ilmu laduni. Selain itu, dia gemar mencari tanda nabi tersebut hingga ke Makkah.

## MEMBACA MERDEKA

Mari kita lukis keindahan palitan rona-rona kemanusiaan adunan hati yang putih di atas kanvas pemikiran bebas daripada calar dan luka berkuntum perasaan.

Mari kita tulis kebahagiaan di atas hamparan harapan dengan kebiruan tinta laut ukiran busa pantai yang restu dan mimpi yang rindu.

Mari kita bina kemakmuran susunan batu bata pemuafakatan meninggi menyentuh awan sambil melihat masa depan jauh tetapi penuh kemekaran.

Mari kita susun kalimat sakti gubahan di setiap dedaunan pertiwi rimbun yang mengambang menghadiahkan bebayang yang manis dan harum berpanjangan.

**SOLIHIN OSMAN**

**Bandar Puncak Alam, Selangor**

## KEPALSUAN SEGALA



Usah berbangga berpakaian jenama termahal kerana pakaian terakhir adalah kain kafan termurah.

Usah berbangga berminyak wangi terharum kerana bauan terakhir adalah kapur barus menyengat.

Usah berbangga berkereta canggih paling terbaru kerana kenderaan terakhir adalah keranda usang berkarat.

Usah berbangga berumah besar berperabot mewah kerana tempat istirahat terakhir adalah kubur nan sempit.

Usah berbangga berwajah kacak, comel dan manis kerana kecantikan menjadi santapan cacing dan serangga.

Usah berbangga memiliki harta karun bertimbun kerana kekayaan dunia memiskinkan diri di akhirat.

Usah berbangga berpangkat besar dan tinggi menjulang kerana darjat kebesaran menjadi hina di sisi Allah Yang Esa.

Usah berbangga mempunyai anak-anak yang

berjaya kerana buruk amalnya tidak meringankan bebanan dosa.

Usah berbangga bersikap ego, bercakap besar dan takbur kerana kesombongan tidak melambangkan manusia beriman.

Usah berbangga dengan kepalsuan dan tipu daya dunia kerana kesementaraan segala tidak menjadi kekal di akhirat!

**MATTAIB NORDIN**  
**Kuala Lumpur - Kuching**

## MASIH INGATKAH LAGI

Wahai Melayu masih ingatkah lagi sejarah pilu satu nama bawa petaka Raja Mendaliar Kitul menabur fitnah lantas dibunuh setia Melayu perkasa tanpa belas bakti tanpa bukti bicara hanya kerana dendam kesumat demi kepuasan hati demi keinginan nafsu.

Wahai Melayu masih ingatkah lagi sejarah sendu satu nama bawa bencana Patih Karma Wijaya menghambur hasutan lantas dibunuh setia persaudaraan tanpa ada perhitungan tanpa ada perhibaian hanya kerana mahu menjadi pahlawan terbi-lang demi kurniaan demi kemasyhuran.

Wahai Melayu masih ingatkah lagi sejarah lalu satu nama bawa sumpah teguh Seri Teri Buana Demang Lebar Daun menyusun masa depan mengikut acuan bangsa lantas dilafaz akad pengikat budi pekerti mengorak langkah pahlawan Melayu agar tidak sumbang membawa gempita Melayu disebut seluruh alam nusantara menyemarak rasa gelora Melayu mempertahankan tanah ada janji demi kasihkan keturunan tersohor demi cintakan kepimpinan terulung.

Wahai Melayu masih ingatkah lagi sejarah pilu masih ingatkah lagi sejarah sendu masih ingatkah lagi sejarah lalu jangan sampai didodoikan puisi Melayu sedih mendayu buat anak menjelang datang buat anak menghitung malang buat anak mengharung ruang jangan sampai diceritakan kisah Melayu tegak berdiri dua nisan hanya tinggal jejak semakin kabur tapaknya hanya tinggal khabar semakin jauh sayupnya hanya tinggal singgahsana semakin usang serinya jangan sampai disebut nama Melayu tapi tiada rupa tapi tiada nama tapi tiada rasa.

**MERBAU BERDARAH**  
**Kampung Rawang, Ledang**